

Tidak sesuai, bertentangan polisi sedia ada - Pakar

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Pelaksanaan perkhidmatan teksi motosikal atau lebih dikenali sebagai gojek di negara ini dilihat tidak bersesuaian kerana bertentangan dengan polisi sedia ada.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Law Teik Hua berkata, ia jelas membelakangi dua polisi penting iaitu polisi keselamatan jalan raya serta polisi pengangkutan awam negara.

Katanya, kerajaan perlu sedar bahawa 60 peratus daripada 7,000 kes purata kematian akibat kemalangan jalan raya datang daripada penunggang motosikal dan angka ini boleh meningkat sekiranya gojek dilaksanakan.

"Gojek akan menarik lebih ramai anak muda menunggang motosikal sekali gus meningkatkan risiko mereka terlibat kemalangan jalan raya. Jangan

hairan purata angka kematian nanti meningkat kepada 10,000 kes.

"Selain itu, bukankah kerajaan sudah berbelanja berbilion ringgit untuk menaik taraf pengangkutan awam seperti Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan sebagainya?

"Ini adalah langkah untuk mempromosikan pengangkutan awam kepada rakyat, tetapi dengan adanya gojek, ia bertentangan dengan polisi untuk kita mengutamakan pengangkutan awam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet yang telah memberi 'lampu hijau' berhubung cadangan pelaksanaan per-

khidmatan teksi motosikal itu di negara ini.

Tambah Teik Hua, meskipun gojek berjaya dilaksanakan di Indonesia, tidak semestinya ia sesuai dilaksanakan di sini.

"Tidak boleh samakan Indonesia dengan Malaysia kerana demografi, kemudahan pengangkutan awam dan macam-macam lagi faktor kita berbeza.

"Selain itu, di sini sudah ada teksi yang mana mereka juga mengadu pendapatan tidak cukup sekarang, jika adanya gojek, mungkin mereka akan jadi lebih melarat.

"Saya tidak pasti sama ada syarikat yang mahu melaksanakan itu sudah buat tinjauan di negara ini tetapi bagi saya, tiada keperluan untuk melaksanakan gojek di sini," katanya.



LAW TEIK HUA